

Newspaper	Berita Harian
Date	8 June 2015

# 'Perlu bertemu empat mata untuk damai'

» Tiada pihak ketiga boleh selesai kemelut antara Najib, Dr Mahathir

Serdang

**D**atuk Seri Najib Razak dan Tun Dr Mahathir Mohamad perlu mengadakan pertemuan empat mata untuk menyelesaikan masalah antara mereka.

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin, berkata Perdana Menteri dan bekas Perdana Menteri itu tidak memerlukan orang ketiga untuk berdamai dan yakin kedua-dua negarawan berkenaan mempunyai kaedah pragmatik menyelesaikan perselisihan pendapat antara mereka.

"Tidak ada pihak ketiga yang boleh menyelesaikan kemelut antara mereka. Mereka kena mengadakan pertemuan empat mata,"

“ / UUUU UUU [JIIUK KCLIGU yang boleh selesai kemelut antara mereka. Mereka kena adakan pertemuan empat mata (untuk) menyelesaikannya.

**Sekiranya Perdana Menteri dan Tun Dr Mahathir ingin mengadakan pertemuan empat mata, tidak perlu ada pihak ketiga"**

Khairy Jamaluddin, Ketua Pemuda UMNO

ta (untuk) menyelesaikannya. "Sekiranya Perdana Menteri dan Tun Dr Mahathir ingin mengadakan pertemuan empat mata, tidak perlu ada pihak ketiga,"



Khairy melawat pameran program Art of Speed di MAEPS, Serdang, semalam. [FOTO GOH THEAN HOWE/BH]

katanya ketika ditemui pemberita pada program Art of Speed di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

Prosiding IMDB Sebelum ini, Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, mencadangkan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi pendamai untuk menyatukan kembali kedua-dua pemimpin berkenaan.

Dalam perkembangan sama,

Khairy yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, kerajaan tidak menghalang syor untuk menyiarkan prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) secara langsung berkaitan isu Malaysia Development Bhd (IMDB).

Beliau berkata, cadangan itu pernah dibangkitkan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek bagi memberi peluang kepada rakyat untuk menilai sendiri IMDB.

"Bagaimanapun, keputusan sama ada boleh atau tidak prosiding IMDB ini disiarkan secara langsung adalah keputusan Yang Dipertua Dewan Rakyat kerana ia tertakluk di bawah Parlimen.

"Malah, cadangan untuk menjemput Tun Dr Mahathir (ke PAC) juga perlu diteliti kerana orang yang dipanggil untuk menghadiri prosiding PAC ini hanyalah orang yang ada kaitan saja. Tun Dr Mahathir tiada kaitan dengan IMDB," katanya.